



**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
MENTERI KANAN KERJA RAYA**

**(AKAN DIBACAKAN OLEH  
YBHG. DATUK WAN AHMAD UZIR BIN HAJI WAN SULAIMAN  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA  
(DASAR & PEMBANGUNAN)  
KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**SEMPENA MAJLIS PEMBUKAAN JAJARAN SEKSYEN 4  
DARI SETIAWANGSA KE TAMAN MELATI  
DI LEBUHRAYA SETIAWANGSA-PANTAI (SPE)**

**PADA 21 DISEMBER 2021**

YBhg. Dato' Ir. Mohd Shuhaimi bin Hassan  
Ketua Pengarah  
Lembaga Lebuhraya Malaysia

YBhg. Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid  
Ketua Eksekutif  
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

YBhg. Dato' Ir. Haji Ahmad Redza bin Ghulam Rasool,  
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya Sektor Infra  
Jabatan Kerja Raya

YB Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew  
Ahli Parlimen Wangsa Maju

YBhg. Tan Sri Lim Kang Hoo  
Pengerusi Eksekutif Ekovest Berhad

YBhg. Tan Sri Datuk Seri Lim Keng Cheng  
Pengarah Urusan Ekovest Berhad

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah EKOVEST

Terlebih dahulu ingin saya menyampaikan salam daripada YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Menteri Kanan Kerja Raya kepada seluruh tetamu jemputan yang telah sudi hadir pada hari ini. Sukacita saya meneruskan majlis ini dengan membacakan teks ucapan daripada beliau.

Pengarah-Pengarah Jabatan, wakil-wakil Kementerian/ Agensi, Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS, JPM), Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Polis Diraja Malaysia, wakil-wakil Syarikat Kongsesi, rakan-rakan media, tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SubhanahuwaTa'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita diberikan kesejahteraan dan kesempatan untuk bersama-sama di dalam majlis pada hari ini.
2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Lebuhraya DUKE Fasa 3 Sdn. Bhd. (LDF3SB) kerana mengundang saya untuk merasmikan Majlis Pembukaan Jajaran Seksyen 4 dari Setiawangsa ke Taman Melati di Lebuhraya Setiawangsa-Pantai Expressway (SPE) yang juga dikenali sebagai Lebuhraya DUKE Fasa 3 pada petang ini.

YBhg. Tan Sri, Datuk Seri, Datuk, Dato' dan para hadirin sekalian,

3. Lebuhraya SPE merupakan lebuhraya bertingkat “*dual 3 lane carriageway*” sejauh 32 km dengan kos pembinaan bernilai RM3.738 billion. Jajaran lebuhraya ini terbahagi kepada 4 Seksyen

iaitu Seksyen 1 (Kerinci-Salak), Seksyen 2 (Salak-Pandan), Seksyen 3 (Pandan-Setiawangsa) dan Seksyen 4 (Setiawangsa-Taman Melati) yang akan dibuka pada hari ini.

Para hadirin sekalian,

4. Pembukaan jajaran di Seksyen 4 SPE ini secara keseluruhannya dijangka akan mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas yang dihadapi pengguna lebuh raya terutamanya di timur Kuala Lumpur untuk masuk dan keluar dari Pusat Bandar Kuala Lumpur. Sebagai contoh, kawasan di sekitar Taman Melati, Taman Bunga Raya, Gombak, Wangsa Maju dan Jalan Jelatek yang akan mendapat manfaat daripada laluan dan jalan sambungan yang dihubungkan melalui Seksyen 4 ini.
5. Pembinaan dan pembukaan rangkaian lebuh raya di negara ini merupakan keperluan untuk menggerakkan nadi pembangunan ekonomi dan infrastruktur negara. Untuk itu, Kementerian menyokong penuh usaha syarikat Lebuhraya DUKE Fasa 3 Sdn. Bhd. (LDF3SB) dan Ekovest Berhad merealisasikan hasrat kerajaan ini. Dedikasi dan komitmen yang berterusan daripada pihak syarikat dalam membantu pembangunan infrastruktur negara amat dihargai. Ini membuktikan keberkesanan projek Perkongsian Awam Swasta atau *Public Private Partnership* (PPP) di antara pihak Ekovest dengan pihak kerajaan.
6. Projek ini juga telah mencatatkan pencapaian yang membanggakan dengan menerima anugerah *Malaysia Book of Records* pada 12 April 2021 bagi 2 kategori berikut:-

- (a) Jambatan Konkrit Terpanjang Menggunakan Rasuk Prategang Berbentuk T kepada Ekovest Berhad; dan
- (b) Rasuk Prategang Berbentuk T Terpanjang kepada Nehemiah Towoong Bridgetech Sdn Bhd.

Selain itu juga, syarikat Lebuhraya DUKE Fasa 3 Sdn. Bhd. (LDF3SB) juga telah menerima Anugerah Inovasi Teknologi Pembinaan Lebuhraya semasa Majlis Anugerah Industri Lebuhraya 2021 baru-baru ini. Tahniah di atas pencapaian pihak syarikat yang berupaya mencipta kejayaan yang membanggakan dengan penggunaan teknologi baharu di dalam pembinaan lebuhraya.

YBhg. Tan Sri, Datuk Seri, Datuk, Dato' dan para hadirin sekalian,

- 7. Sukacitanya, saya dengan ini mengumumkan pembukaan Jajaran Seksyen 4 dari Setiawangsa ke Taman Melati di Lebuhraya Setiawangsa-Pantai (SPE) secara rasmi kepada orang ramai bermula pada 22 Disember 2021. Manakala seksyen-seksyen lain dijangka siap dan akan dibuka sepenuhnya pada bulan Jun 2022.
- 8. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam pembinaan lebuhraya ini sama ada agensi kerajaan mahupun swasta iaitu:
  - i) Kementerian Kerja Raya (KKR);
  - ii) Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM);
  - iii) Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS, JPM);

- iii) Jabatan Kerja Raya (JKR);
- iv) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL);
- v) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);
- v) Kementerian / Agensi Kerajaan yang lain;
- vi) Syarikat Konsesi Lebuhraya DUKE Fasa 3 Sdn. Bhd ((LDF3SB); dan
- vii) Juru perunding dan kontraktor-kontraktor yang terlibat.

9. Pencapaian pembukaan jajaran Seksyen 4 SPE ini sekali lagi membuktikan keberkesanan kerjasama awam swasta dalam pembangunan infrastruktur negara. Adalah diharapkan pengguna lebuhraya yang melalui laluan ini dapat mematuhi peraturan yang ditetapkan serta memandu secara berhemah. Syarikat konsesi diingatkan untuk mengambil langkah-langkah proaktif bagi memastikan tahap perkhidmatan dan operasi yang terbaik diberikan kepada pengguna disamping mematuhi perjanjian konsesi.
10. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan pembukaan Jajaran Seksyen 4 dari Setiawangsa ke Taman Melati di Lebuhraya Setiawangsa-Pantai (SPE) pada petang ini.
11. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

**YB DATO' SRI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**  
**MENTERI KANAN KERJA RAYA**